



"ULAMA', UMARA' TONGGAK KESEJAHTERAAN UMMAH (KHUTBAH KHAS SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN SELANGOR KE 69)"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلَ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ
وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Pada kesempatan yang mulia ini, saya berpesan kepada hadirin terutamanya kepada diri saya sendiri, marilah kita terus menerus meningkatkan iman dan takwa kepada Allah SWT, dengan pengertian yang sebenar-benarnya, iaitu melaksanakan segala yang diperintah dan menjauhi segala larangan-Nya, dengan penuh kesedaran, kesabaran serta ketulusan hati hanya kerana Allah SWT. Semoga kita mendapat ganjaran yang baik di akhirat kelak.

Muslimin Yang Berbahagia,

Minggu ini kita berada dalam suasana meraikan ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang ke-69, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj. Maka khutbah kita kali ini adalah bertajuk **“ULAMA’, UMARA’ TONGGAK KESEJAHTERAAN UMMAH”**.

Muslimin Yang Berbahagia,

Firman Allah dalam surah an-Nisa’ ayat 59 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ...

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu”.



Ayat ini menjelaskan tiga golongan yang wajib kita taati :

Pertama : Kewajipan mentaati Allah SWT.

Kedua : Kewajipan mentaati Rasulullah SAW.

Kedua-dua kewajipan ini secara mutlak tidak boleh dipertikai lagi. Seluruh umat Islam wajib menyerahkan segenap jiwa raga menjunjung perintah Allah dan Rasul-Nya.

Sementara yang ketiga kewajipan mentaati *Ulil Amri* yang tertakluk kepada yang diredai Allah, tidak dalam aspek yang ditegahnya.

Persoalan yang timbul siapakah *Ulil Amri*? Apakah tanggungjawab kita terhadap *Ulil Amri*?

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Jumhur Ulama’ berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan *Ulil Amri* ialah pemerintah sama ada dipanggil khalifah, Presiden, Raja atau Sultan.

Profesor Doktor Wahbah az-Zuhaili, cendekiawan Islam berpendapat *Ulil Amri* ialah gandingan Umara’ dan juga Ulama’. Maka diwajibkan ke atas masyarakat awam mentaati pemerintah, iaitu Sultan dalam hal ehwal ketenteraan, pentadbiran negeri dan seumpamanya berkaitan hukum hakam Islam, khususnya dalam menyelesaikan isu-isu yang memerlukan ijtihad.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sejarah memperlihatkan bahawa masyarakat terdahulu, mengiktiraf ulama’ sebagai cendekiawan. Ulama’ mendapat pengiktirafan demikian



kerana kesungguhan mereka memperlengkapkan diri, memenuhi peranan dan harapan, menunaikan amanah serta melaksanakan tanggungjawab.

Ulama' diiktiraf sebagai pakar dalam pengetahuan Islam di samping memiliki sifat-sifat warak, zuhud dan takwa, patuh kepada ajaran Islam serta istiqamah dalam beribadah. Ulama' juga adalah yang menjunjung amanah menegakkan syariah, bertanggungjawab menganjur kepada makruf dan mencegah kemungkaran.

Hadis daripada Abu ad-Darda' RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

... إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ...

"Sesungguhnya alim ulamak itu adalah mewarisi para Nabi".

(Riwayat at-Tirmizi).

Sementara itu, umara' didefinisikan sebagai pemimpin atau golongan pemerintah. Mereka memiliki pelbagai latar belakang pengajian, kepakaran, pengalaman dan kemahiran. Umara' memiliki kuasa mentadbir urus pelbagai sumber yang terletak di bawah tanggungjawab dan amanah mereka. Oleh sebab itu Umara' hendaklah memiliki sifat takwa, adil dan bijaksana. Umara' berada pada kedudukan yang boleh mempengaruhi minda, mencanai budaya hidup serta menentukan arah haluan masyarakat.

Ketaatan kepada umara' adalah wajib selama mana mereka berlaku adil dan amanah dalam tindakan serta tidak menyuruh rakyat melakukan kemaksiatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Hadis daripada Abdullah Bin Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :



السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا
أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ
بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

"Mendengar dan patuh kepada pemerintah itu adalah wajib ke atas setiap orang Islam sama ada perkara yang disukai atau dibenci selagi tidak disuruh melakukan perkara maksiat, apabila disuruh melakukan maksiat maka tidaklah boleh didengar dan dipatuhi lagi.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Pemerintah yang adil menurut pandangan Islam ialah mereka yang menghayati bahawa jawatan yang disandangnya itu adalah satu amanah, dan tanggungjawab besar. Semakin tinggi kepimpinan yang disandang, maka semakin besarlah tanggungjawab yang mesti dipikul. Oleh yang demikian, Allah SWT menyeru umat Islam supaya mentaati pemerintah, kerana mereka sebenarnya memikul bebanan yang amat berat untuk memastikan kesejahteraan masyarakat dan negara.

Walau bagaimanapun, kedua-duanya sama ada ulama' dan umara' adalah gandingan yang tidak boleh dipisahkan. ulama' dan umara' laksana dua saudara yang saling memerlukan. Secara zahir, mereka kelihatan melalui dua laluan perjalanan, tetapi pada hakikatnya, menghala matlamat menuju destinasi yang sama. Sepanjang liku perjalanan, ada kalanya berlaku kelainan pandangan, ada masanya terdapat perbezaan huraian, namun kelainan pandangan dan perbezaan huraian itu, pada akhirnya mencipta kejayaan yang lebih seimbang.



Gandingan kerjasama ulama' dan umara' telah berlaku sejak kehadiran Islam di Tanah Melayu. Ulama' memenuhi peranan sebagai pengimbang kepada umara', berjaya mengurus tadbir negara secara adil, lalu negara dilimpah berkat dan rakyat pula mendapat rahmat.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Negara yang makmur dan saksama memerlukan pemimpin yang bijaksana, berintegriti, telus dan saksama. Nilai-nilai Islam, seperti bebas daripada amalan rasuah, menghormati orang berilmu, menyerahkan tanggungjawab kepada mereka yang layak, memastikan berlakunya kejujuran, perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan. Ulama' dengan segala hikmah pula memenuhi peranan sebagai pengimbang, menyemak dan memastikan tidak berlaku kepincangan dalam urus tadbir negara. Memastikan komponen amanah sentiasa diutamakan, menegur sebarang perlakuan kemungkar, mengingatkan bahawa jawatan dan kuasa adalah satu amanah Allah, yang akan diteliti dan diperiksa pada hari kebangkitan.

Sebahagian daripada tanggungjawab ulama' adalah untuk menentukan hukum, mentafsir peraturan serta mengeluarkan fatwa. Ulama' yang unggul hendaklah bersifat bebas daripada pengaruh mana-mana kumpulan, tidak terikat dengan mana-mana kelompok bersifat neutral lagi bebas memiliki integriti yang tinggi dan menjadi contoh teladan terbaik.

Tegasnya, ulama' dan umara' sama-sama tergolong sebagai pemimpin. Mereka menentukan kandungan agenda negara bangsa. Pemimpin menentukan wajah organisasi dan melakar rupa bentuk institusi. Negara bangsa di corak warna oleh pemimpin. Masyarakat itu adalah cerminan kepada sifat dan watak pemimpin. Jika ulama' dan umara' bersatu arah,



bersama haluan, maka terjalinlah perpaduan dalam kalangan ummah. Di sebaliknya, jika ulama' dan umara' berbalah, maka sudah semestinya ummah turut sama berpecah.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Sultan kita sebagai umara' merupakan seorang yang sentiasa menitik beratkan kemajuan dan keamanan negeri ini. Lebih-lebih lagi dalam usaha meninggikan syiar Islam. Contohnya seperti dakwah dan pendidikan terus berkembang sama ada di peringkat tadika, kelas KAFA, menengah, pengajian tinggi, pengajian di masjid-masjid dan juga surau-sarau. Kesedaran umat Islam mengeluarkan zakat dan mewakafkan harta meningkat dari setahun ke setahun. Semua ini adalah hasil keprihatinan ulamak dan umarak yang memberi buah fikiran yang bernas demi meninggikan syiar Islam.

Merujuk kepada sejarah, pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di negara kita sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka yang menerima undang-undang Islam sebagai undang-undang negeri.

Pada tahun 1952, undang-undang jenayah syariah telah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor di bawah peruntukan kesalahan-kesalahan, walaupun ia belum bersifat menyeluruh. Demikianlah pentingnya peranan Raja dalam muamalah Islam yang disebut sebagai umara'.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,



Untuk memastikan negara sentiasa dalam aman dan makmur, umat Islam mestilah bersatu menjaga kesucian agama, serta mengeratkan lagi persaudaraan antara umat Islam, agar agama Islam menjadi lebih kukuh dan tidak mudah terpengaruh dengan ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng yang dibawa oleh musuh-musuh Islam.

Hubungan mesra antara institusi Raja dengan rakyat hendaklah terus diperkukuh dan dipertahankan supaya syiar Islam terus berkembang pesat dan maruah umat Islam terus terpelihara dengan izin Allah SWT. Tidak dapat dinafikan bahawa hanya negara-negara Islam yang mengekalkan institusi beraja kelihatan mampu memberi perlindungan kepada peningkatan syiar Islam itu sendiri. Peranan yang dimainkan oleh institusi beraja membolehkan agama Islam terus dipelihara dan dianuti generasi demi generasi.

Sempena menyambut ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang ke-69 ini kita mendoakan semoga Raja kita sentiasa diteguhkan iman dan takwa serta mendapat hidayah Allah SWT sepanjang masa. Semoga kita sentiasa dianugerahkan kehidupan yang aman dan bahagia diliputi keadilan, kemakmuran serta kesejahteraan sepanjang masa.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,


Setelah kita memahami apa yang dimaksudkan *Ulil Amri* itu, maka marilah kita bersama-sama melaksanakan tugas dan peranan kita, antaranya :

1. Mematuhi peraturan, undang-undang yang ditentukan pihak berkuasa selaras dengan syariah Islam.
2. Menghormati Raja dan pemimpin kita sebagai ketua.



3. Sentiasa membina perpaduan yang lebih kukuh bagi memastikan keamanan negara.
4. Mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan pergeseran serta permusuhan antara satu sama lain.
5. Umat Islam hendaklah sentiasa mematuhi nasihat-nasihat para Ulama' dan Umara' yang membawa kepada kebaikan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ
اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ



"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".



(at-Taubah :71).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتُ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكَوْ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bujukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka



yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.